

BERSAMA MEMARTABATKAN KEDAULATAN INSTITUSI RAJA MELAYU

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*,

Antara nikmat yang Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berikan kepada umat Islam di negeri ini, adalah keamanan hidup di bawah naungan raja yang adil dan berdaulat. Sesungguhnya, hubungan yang akrab antara raja dan rakyat merupakan warisan yang diperturunkan sejak zaman berzaman. Dalam sejarah Kesultanan Melayu, institusi raja adalah tempat bermulanya perkembangan agama Islam di nusantara Melayu termasuk negeri Pahang dan negeri-negeri lain. Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman dalam Surah al-Hajj ayat 41:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا

بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ عَلِيمٌ ﴿٤١﴾

Yang bermaksud: *Iaitu mereka (umat Islam) Yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara Yang mungkar. dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan Segala urusan.*

Bersesuaian dengan Perlembagaan Persekutuan dan kedudukan agama Islam sebagai agama bagi persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang menegaskan bahawa Raja Pemerintah merupakan Ketua Agama bagi negeri ini. Baginda juga berperanan mengatur hal ehwal agama, memperkenalkan penubuhan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang di negeri ini bagi tujuan mengawal urusan pentadbiran agama Islam, selain memastikan pembangunan Islam dilaksanakan. Inilah yang dimaksudkan sebagai institusi raja Melayu, yang bukan sahaja dilihat kepada individunya, tetapi lebih kepada fungsi dan peranannya dalam negara.

Dalam sejarah, institusi diraja di negeri Pahang pernah melaksanakan undang-undang Islam melalui Hukum Kanun Pahang sebelum dihapuskan oleh penjajah. Sejarah juga pernah membuktikan bagaimana institusi raja berperanan mempertahankan negara daripada penjajah Portugis dan Belanda. Di samping itu, raja juga sentiasa mempunyai hubungan yang erat antara rakyat serta menerima nasihat dalam kalangan para ulamak. Contohnya Raja Aceh bernama Sultan Iskandar Thani yang berasal dari Pahang, melantik ulamak hebat bernama Syeikh Nuruddin Al-Raniri sebagai penasihat istana dan mufti negeri. Baginda merupakan raja yang amat dihormati, kerana mempunyai pendidikan agama, menghormati pembesar dan rakyat, serta menegakkan keadilan.

Demikianlah sejarah membuktikan, bahawa institusi raja berperanan penting bagi memartabatkan agama Islam dan menegakkan keadilan, dengan itu rakyat hendaklah menghormati raja pemerintah di negeri ini. Sebagaimana hadith Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam :

السُّلْطَانُ ظِلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ، فَمَنْ أَكْرَمَهُ أَكْرَمَهُ اللَّهُ، وَمَنْ أَهَانَهُ أَهَانَهُ اللَّهُ "

Yang bermaksud: *Sultan merupakan bayangan Allah di bumi. Barang siapa yang memuliakan sultan, maka Allah akan memuliakannya. Barang siapa yang menghina sultan, maka Allah akan menghينanya juga.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Agak malang dalam masyarakat kita lewat kebelakangan ini, terdapat suara-suara sumbang yang mula mempertikai kepentingan dan kelangsungan institusi Raja Melayu. Usaha yang datang daripada segelintir individu, sebahagian NGO dan juga ahli parti politik tertentu ini secara berterus-terang telah mempersoalkan fungsi sebenar institusi raja dalam sebuah negara demokrasi. Ada sebahagian mereka yang memberikan jangkaan bilakah institusi raja di negara kita akan dihapuskan, sementara terdapat juga yang secara halus mempertikai kepentingan istana baik di peringkat negeri mahu pun negara. Natiujahnya, wujudlah segelintir rakyat yang sudah berani menghina raja-raja Melayu secara terbuka di media sosial.

Sedarlah, bahawa seruan untuk menghormati dan memartabatkan institusi raja bukan semata-mata bermaksud untuk mengagungkan batang tubuh seorang sultan, tetapi ia merupakan tonggak kedaulatan agama dan negara. Lihatlah negara-negara maju yang masih mengekalkan institusi raja. Semangat cintakan raja dan negara amat tinggi sekali. Oleh yang demikian, sempena hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah al-Mustain Billah Ibni al-Marhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin al-Muazzam Shah pada 24 Oktober 2018, marilah kita bersama-sama, atas nama agama dan cintakan negara, bersatu-padu dalam mempertahankan institusi raja Melayu agar terus utuh menegakkan keadilan dan keamanan dalam negeri tercinta ini. Benarlah, sesungguhnya Raja dan rakyat, berpisah tiada.

Dalam sepotong hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam telah bersabda:

إِنَّ مِنْ إِجْلَالِ اللَّهِ إِكْرَامَ ذِي الشَّيْبَةِ الْمُسْلِمِ وَحَامِلِ الْقُرْآنِ غَيْرِ الْعَالِي فِيهِ وَالْجَافِي عَنْهُ

وَإِكْرَامَ ذِي السُّلْطَانِ الْمُقْسَطِ

Yang bermaksud: "Antara perbuatan yang mengagungkan Allah, adalah memuliakan seorang muslim yang telah beruban, para pembaca al-Qur'an yang tidak bersikap berlebihan dalamnya dan tidak pula menjauhinya, serta sultan yang adil."

Dalam Kitab Ihya', Imām al-Ghazali telah menyatakan: "Raja dan agama ibarat saudara kembar. Agama merupakan dasar, sementara sultan pula adalah penjaganya. Barang yang tiada dasar akan binasa. Barang yang tiada penjaga, akan hilang. Tidaklah lengkap kekuasaan dan pengawalan, melainkan dengan sultan".

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تَوْتِي الْمَلِكِ مِنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكِ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ

تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾

Yang bermaksud: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai Tuhan Yang Mempunyai Kuasa Pemerintahan! Engkaulah Yang Memberi Kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah Yang Mencabut Kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga Yang Memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah Yang Menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوزَ

الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.